

# SK Kerupang Prihatin Bantu Murid Kurang Berkemampuan



**Labuan, 26 Mac** – Adik Awang Akid bin Herman dari kelas 2 Inovasi dan adik Auni Adalia binti Ishak dari kelas 6 Inovasi merupakan dua orang murid bertuah yang telah menerima sumbangan iklas berbentuk telefon bimbit daripada Mantan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kerupang, Encik Nik Hisyam.

Menurut Guru Besar SK Kerupang, Puan Hajah Aini Bt Hj Salleh, murid-murid yang dipilih menerima sumbangan ini merupakan murid dalam golongan yang berpendapatan rendah.

*“Kita sedar pada masa kini, ramai anak-anak kita terutama daripada keluarga yang berpendapatan rendah tidak mempunyai gajet elektronik ini untuk mendapatkan maklumat serta menjalani sesi pembelajaran secara dalam talian. Kita berharap sumbangan ini dapat memberi manfaat kepada murid dan keluarga yang telibat.” Puan Hajah Aini*

Beliau telah memberikan sumbangan ikhlas ini kepada kedua orang murid berkenaan, selaras dengan keprihatinan SK Kerupang dan PIBGnya kepada golongan murid yang kurang berkemampuan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Nik Hisyam. Semoga dimurahkan rezeki.

**Berita Oleh : SK Kerupang**